

22/10/2001

PM galak usahawan cari peluang niaga di luar negara

Muanarfah Abu Bakar

SHANGHAI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu lebih ramai usahawan Malaysia mencari peluang di luar negara dan bersaing pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, usahawan tempatan perlu berani melabur di luar negara dan menghadapi cabaran bagi memastikan mereka mampu bersaing dengan usahawan asing.

"Usahawan tempatan tidak berani menghadapi dugaan di arena antarabangsa, sebaliknya mereka lebih selesa berada di tempat sendiri," katanya ketika berucap merasmikan pusat jualan dan perkhidmatan projek pembangunan kondominium serta rumah bandar, Royal Garden di daerah Min Hang di sini, petang ini.

Royal Garden adalah projek perumahan mewah yang dilaksanakan syarikat pemaju Yan Hull (Shanghai) Berhad, anak syarikat Golden Plus Holdings Bhd yang terletak kira-kira 18 kilometer dari Pudong, dekat sini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Duta Besar Malaysia ke China, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan; Pengerusi Golden Plus Holdings Bhd, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Ali dan Pengarah Urusannya, Teh Soon Seng serta Ketua Daerah Min Hang, Hong Quan Wang.

Dr Mahathir menggesa lebih ramai usahawan tempatan mengambil peluang pelaburan di China dengan memberi contoh Golden Plus Holdings Bhd yang sudah bertapak di sana lebih lima tahun.

"Syarikat Golden Plus Holdings Bhd misalnya sudah menghadapi pelbagai cabaran sejak beberapa tahun sebelum ini dan kini mereka dapat bertapak dan berjaya mengembangkan perniagaan di sini," katanya.

Beliau berkata, ekonomi dan pembangunan pesat negara ini menjadikan China berpotensi besar menjadi gergasi ekonomi.

Dr Mahathir turut mempelawa China menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) memandangkan negara itu mempunyai pendapatan perkapita yang besar di samping mempunyai lebih 1.3 bilion buruh terlatih dan rajin.

"Walaupun apa pun orang lain kata mengenai China, negara itu akan menjadi kuasa besar ekonomi dan banyak negara lain akan mendapat faedah dan kemakmuran daripada pembangunan ekonomi di sana," katanya.

Terdahulu Zainal Abidin dalam ucapannya berkata, projek perumahan Royal Garden membuktikan usahawan tempatan boleh bersaing pada peringkat antarabangsa.

Katanya, kerja-kerja cerucuk bagi fasa 1A projek itu bermula bulan depan dan dijangka siap sepenuhnya pada November 2002.

Royal Garden meliputi kawasan 24 hektar yang membabitkan pembinaan 3,500 unit kondominium dan rumah bandar berharga antara RM500,000 hingga RM1.5 juta seunit.

(END)